

## KENYATAAN TENDER

Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam Gred G6 ke atas di bawah kategori dan pengkhususan B04 dan CE21 dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah pendaftarannya dan berpengalaman melaksanakan kerja-kerja di Pahang adalah dialu-alukan untuk menyertai tender berikut:-

### **CADANGAN PERUMAHAN PASDEC DAMANSARA (FASA 1 - PAKEJ 3) DI BANDAR DAMANSARA KUANTAN, MUKIM SUNGAI KARANG & MUKIM BESERAH, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

Dokumen Tender berharga **RM1,000.00** (tidak dikembalikan) termasuk pelan dan keterangan lanjut boleh didapati pada waktu pejabat. Bayaran untuk Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk '**Draf Bank/Kiriman Wang**' atas nama '**JO QS CONSULT**'. Dokumen Tender akan hanya dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** atau salinan yang diakui sah oleh CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor.

Dokumen Tender dijual pada waktu pejabat mulai **23 Februari 2012** sehingga **13 Mac 2012** di Bahagian Pengurusan Kontrak dan Kos, Pasdec Holdings Berhad. Dokumen tersebut tidak akan dijual selepas tempoh ini.

Kontraktor adalah digalakkan melawat tapak. Bagi tujuan tersebut, kontraktor boleh hubungi pihak kami untuk maksud tersebut dalam tempoh tender ini ditawarkan.

Dokumen Tender hendaklah berserta **Deposit Tender** berharga **RM5,000.00** (dalam bentuk '**Draf Bank/Kiriman Wang**' atas nama '**PASDEC CORPORATION SDN BHD**') yang akan dipulangkan kepada kontraktor yang tidak berjaya.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan dalam sampul surat bermetri dengan ditulis tajuk projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah:-

**PENGURUS PENGURUSAN KONTRAK DAN KOS  
PASDEC HOLDINGS BERHAD  
TINGKAT 13, MENARA TERUNTUM, JALAN MAHKOTA  
25000 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
[www.pasdec.com.my](http://www.pasdec.com.my)**

pada **15 Mac 2012** bersamaan hari **Khamis** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari.

### **PENGUMUMAN**

Maklumat mengenai pengiklanan tender juga boleh dilihat melalui paparan laman web Pasdec (<http://www.pasdec.com.my>)

## **NOTA**

*Jenis Pembangunan Untuk Projek Ini Adalah  
62 Unit Rumah Teres Dua (2) Tingkat.*